A

PP lwn. CHOO KANG LENG

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR BAHRU
ABU BAKAR KATAR H
[PERMOHONAN SEMAKAN JENAYAH NO: JA-43-2-01-2022]
30 JANUARI 2022

B

Abstrak – *Dalam menjatuhkan hukuman ke atas orang kena saman (OKS) yang didapati bersalah di bawah s. 70(1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (membina struktur bangunan tanpa kelulusan), Majistret, setelah mensabit OKS, tidak boleh terus sahaja menjatuhkan denda RM1,000 sehari sehingga struktur berkenaan dirobohkan. Mengambil saranan kes Meow Loong Onn v. PP, pihak berkuasa perlu merangka satu pertuduhan baharu yang lain, dan denda RM1,000 sehari hanya boleh dijatuhkan selepas OKS disabitkan dengan kesalahan berterusan tersebut.*

C

D

UNDANG-UNDANG BANGUNAN DAN PEMBINAAN: *Bangunan – Struktur tambahan – Mendirikan bangunan tambahan ke atas rumah tanpa mendapat kebenaran bertulis pihak berkuasa tempatan – Sabitan dan hukuman – Sama ada Majistret boleh memerintahkan denda tambahan RM1,000 sehari bagi kesalahan yang dilakukan secara berterusan selepas sabitan orang kena saman ('OKS') – Sama ada Majistret boleh mengeluarkan perintah mandatori mengarahkan OKS meruntuhkan struktur pembangunan tambahan dalam masa 90 hari – Sama ada perintah Majistret boleh diakas bawah s. 327 Kanun Tatacara Jenayah – Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, ss. 70(1), (13), (15) & 91(1)*

E

F

PROSEDUR JENAYAH: *Semakan – Semakan jenayah – Permohonan – Bangunan – Struktur tambahan – Mendirikan bangunan tambahan ke atas rumah tanpa kebenaran bertulis pihak berkuasa tempatan – Sabitan dan hukuman – Sama ada Majistret boleh memerintahkan denda tambahan RM1,000 sehari bagi kesalahan yang dilakukan secara berterusan selepas sabitan orang kena saman ('OKS') – Sama ada Majistret boleh mengeluarkan perintah mandatori mengarahkan OKS meruntuhkan struktur pembangunan tambahan dalam masa 90 hari – Sama ada perintah Majistret boleh diakas bawah s. 327 Kanun Tatacara Jenayah – Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, ss. 70(1), (13), (15) & 91(1)*

G

H

Pengadu, semasa melakukan pemantauan dan pemeriksaan sebuah premis, mendapati orang kena saman ('OKS') telah mendirikan bangunan tambahan ke atas rumah berbandung tiga tingkat (semi-detached house) di bahagian sisi berupa dinding kekal batu bata dan berbumbung 'slab' konkrit dan tambahan bahagian belakang berupa dinding kekal batu bata dan berbumbung 'slab'

I

konkrit menjadikan rumah kediaman berbandung tiga tingkat kepada empat tingkat tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak Majlis Bandaraya Iskandar Puteri ('MBIP'). Oleh itu, OKS didakwa melakukan kesalahan bawah s. 70(1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 ('Akta') dan boleh dihukum bawah s. 70(13) Akta yang sama. Majistret merekodkan OKS bersalah dan disabitkan atas pertuduhan. Majistret menjatuhi hukuman denda RM3,000, jika gagal bayar, tiga bulan penjara. Selanjutnya, OKS diperintahkan meruntuhkan struktur bangunan tambahan dengan apa cara sekalipun dalam masa 90 hari selepas tarikh sabitan. Sekiranya OKS gagal berbuat demikian, maka OKS dikenakan denda tambahan RM1,000 setiap hari kesalahan tersebut diteruskan. Dalam permohonan semakan jenayah ini dua isu utama dibangkitkan, iaitu (i) sama ada Majistret boleh memerintahkan denda tambahan RM1,000 sehari bagi kesalahan yang dilakukan secara berterusan selepas sabitan OKS bagi kesalahan s. 70(13) Akta; dan (ii) sama ada Majistret dibenarkan oleh undang-undang untuk mengeluarkan perintah mandatori mengarahkan OKS untuk meruntuhkan struktur pembangunan tambahan dalam masa 90 hari.

Diputuskan (mengakas perintah Majistret):

(1) Semasa OKS mengaku bersalah di hadapan Majistret, semua tatacara yang ditetapkan oleh undang-undang khasnya peruntukan s. 173(a) dan (b) Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') telah dipatuhi secara tertibnya. Peguam OKS tidak mempertikaikan sabitan terhadap OKS. Peguam OKS turut menghujahkan hukuman denda yang dijatuhi ke atas OKS mematuhi peruntukan s. 70(13)(c) Akta iaitu denda RM3,000, jika tidak bayar, tiga bulan penjara. OKS telah pun menjelaskan bayaran denda RM3,000. (perenggan 17)

(2) Majistret terkhilaf apabila sebaik sahaja OKS disabitkan atas kesalahan s. 70(13) Akta, beliau terus menjatuhi hukuman denda RM1,000 sehari sehingga struktur binaan dirobohkan. Mengambil saranan dalam kes *Meow Loong Onn v. PP*, pihak MBIP perlu merangka pertuduhan yang lain, jika selepas OKS disabitkan dengan kesalahan s. 70(13)(c) Akta, dia masih gagal untuk meruntuhkan struktur binaan yang dibina tanpa kelulusan MBIP memandangkan OKS melakukan kesalahan yang berterusan. Majistret terkhilaf apabila memerintahkan denda harian RM1,000 dijatuhkan tanpa mematuhi saranan dalam kes *Meow Loong Onn*. Mahkamah ini mengakaskan hukuman denda tambahan RM1,000 sehari yang diperintahkan. (perenggan 22 & 24)

(3) Untuk maksud peruntukan s. 70(15) Akta, pihak MBIP perlu memfailkan Notis Permohonan Jenayah Kod 89 untuk memohon perintah mandatori untuk tujuan mengubah dengan apa-apa cara atau meruntuhkan bangunan itu dan bukannya mencampuradukkan dengan peruntukan s. 70(13) Akta sebagaimana yang berlaku dalam kes ini. Bagi

A maksud peruntukan s. 70(15) Akta, hanya pihak MBIP atau seorang pegawai awam yang diberi kuasa oleh pihak berkuasa tempatan secara bertulis dibenarkan untuk memohon. Tindakan pegawai pendakwa memohon perintah merobohkan struktur bangunan tambahan yang dibina tanpa kebenaran MBIP tidak selaras dengan peruntukan s. 70(15) B Akta. Tiada keterangan yang menunjukkan pegawai pendakwa termasuk dalam frasa 'seorang pegawai awam yang diberi kuasa oleh Pihak Berkuasa Tempatan secara bertulis'. Oleh itu, perintah mandatori meruntuhkan struktur bangunan tambahan dalam masa 90 hari diketepikan. (perenggan 32)

C **(4)** Perintah mandatori yang dikeluarkan oleh Majistret tidak sah dan bercanggah dengan peruntukan-peruntukan ss. 70(15) dan 91(1) Akta. TPR menarik perhatian mahkamah ini pada surat MBIP yang ditandatangani oleh Datuk Bandar, MBIP. Mahkamah ini telah meneliti nota prosiding pada 29 Disember 2020, tiada catatan yang menunjukkan D surat ini dibawa ke perhatian Majistret bagi maksud peruntukan s. 70(15) Akta. Pegawai Pendakwa MBIP yang hadir di hadapan Majistret itu sekadar memohon untuk meruntuhkan struktur binaan. Bagi tujuan ini, pihak MBIP atau seorang pegawai awam yang diberi kuasa oleh pihak berkuasa tempatan secara bertulis diberi kebebasan E untuk memohon perintah mandatori bawah ss. 70(15) dan/atau 91(1) Akta bagi mengubah dengan apa-apa cara atau meruntuhkan bangunan sebaik OKS disabitkan dengan kesalahan bawah s. 70(13) Akta. (perenggan 36 & 37)

Kes-kes yang dirujuk:

F *Inpamalar Navaratnam lwn. Datuk Bandar Majlis Bandaraya, Petaling Jaya [2017] 4 CLJ 116 HC* ***(dirujuk)***

Krishnadas Achutan Nair & Ors v. Maniyam Sanykano [1997] 1 CLJ 636 FC ***(dirujuk)***

Liaw Kwai Wah & Anor v. PP [1987] 1 CLJ 35; [1987] CLJ (Rep) 163 SC ***(dirujuk)***

Meow Loong Onn v. PP [1996] 3 CLJ 444 HC ***(dirujuk)***

PP v. Sihabduin Hj Salleh & Anor [1981] CLJ 39; [1981] CLJ (Rep) 82 FC ***(dirujuk)***

G *State of Bihar v. Deokaran Nenshi [1973] 1 SCR 1004* ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Criminal Procedure Code, s. 323(1)

Federal Territory (Planning) Act 1982, s. 26(1)(b)

Street, Drainage and Building Act 1974, ss. 70(1), (13)(c), (15), 91(1)

H *Bagi pihak pemohon - Faizal Noor Hadi, TPR*

Bagi pihak responden - Munirah Najihah Shaari; T/n Munirah Najihah & Co

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

I

PENGHAKIMAN

Abu Bakar Katar H:

Pengenalan

[1] Mahkamah ini telah dirujuk oleh Puan Suhaila binti Shafi'uddin, Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Rendah, Johor Bahru (PKP itu) berkaitan kes Mahkamah Majistret (Majlis Bandaraya), Johor Bahru, Kes Saman No: MBIP87(B)-1-2020 membabitkan kesalahan di bawah s. 70(1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta itu) dan dihukum mengikut s. 70(13)(c) Akta itu.

[2] Tuan Majistret, Mahkamah Majistret (Majlis Bandaraya), Johor Bahru (Tuan Majistret itu) telah merekodkan orang kena saman (OKS) bersalah dan disabitkan atas pertuduhan.

[3] Pertuduhan yang diketengahkan oleh pendakwaan terhadap OKS berbunyi seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 26.4.2018 lebih kurang jam 1.00 tengahari di premis No. 41, Jalan Flora 3/1, Taman Pulai Flora, Kangkar Pulai, Johor Bahru dalam kawasan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri telah mendirikan bangunan tambahan ke atas rumah berbandung 3 tingkat (semi-detached house) di bahagian sisi berupa dinding kekal batu bata dan berbumbung 'slab' konkrit berukuran lebih kurang '3 m (lebar) x 11 m (panjang) dan tambahan bahagian belakang berupa dinding kekal batu bata dan berbumbung 'slab' konkrit berukuran lebih kurang '2.7 m (lebar) x 11 m (panjang)' dan telah menjadikan rumah kediaman berbandung 3 tingkat kepada 4 tingkat tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak Majlis Bandaraya Iskandar Puteri di bawah s. 70(1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan boleh dihukum di bawah s. 70(13) Akta yang sama.

[4] Tuan Majistret itu telah menjatuhi hukuman denda RM3,000 gagal bayar tiga bulan penjara. Selanjutnya, OKS diperintahkan meruntuhkan struktur bangunan tambahan dengan apa cara dalam masa 90 hari selepas tarikh sabitan. Sekiranya OKS gagal berbuat demikian, iaitu selepas berakhirnya tempoh 90 hari, maka OKS dikenakan denda tambahan RM1,000 setiap hari kesalahan tersebut diteruskan.

[5] PKP itu ada memaklumkan mahkamah ini, pihak majlis bandaraya membangkitkan masalah untuk mengutip denda tambahan RM1,000 sehari sebagaimana yang diperintahkan oleh Tuan Majistret itu. PKP itu memaklumkan OKS gagal mematuhi denda tambahan sebaik tempoh 90 hari berakhir sehingga sekarang iaitu tahun 2022.

[6] PKP itu turut menarik perhatian mahkamah ini berkenaan perintah sampingan yang dikeluarkan oleh Tuan Majistret itu yang memerintahkan OKS untuk meruntuhkan struktur bangunan tambahan mengikuti peruntukan undang-undang.

[7] Mahkamah ini telah menetapkan pendengaran permohonan semakan jenayah pada 19 Januari 2022 di mahkamah terbuka. Pada 19 Januari 2022, OKS baru melantik peguamnya. Peguam OKS yang terpelajar memohon penangguhan untuk meneliti isu undang-undang yang berkaitan. Mahkamah ini telah membenarkan permohonan penangguhan dan kes ini ditetapkan pada 27 Januari 2022 untuk pendengaran.

Latar Belakang Kes

[8] Pada 26 April 2018, lebih kurang jam 1.00 tengahari, Encik Mohamad Hafiz bin Kamaldin, Penolong Pegawai Senibina, Majlis Bandaraya Iskandar Putri [pengadu] bersama pembantu penguatkuasa, Encik Mohd Azan bin Abd Rahman, telah melakukan pemantauan dan pemeriksaan premis bernombor 41, Jalan Flora 3/1, Taman Pulai Flora, Kangkar Pulai, Johor Bahru.

[9] Pengadu mendapati OKS telah mendirikan bangunan tambahan ke atas rumah berbandung tiga tingkat (semi-detached house) di bahagian sisi berupa dinding kekal batu bata dan berbumbung 'slab' konkrit berukuran lebih kurang '3m (lebar) x 11m (panjang) dan tambahan bahagian belakang berupa dinding kekal batu bata dan berbumbung 'slab' konkrit berukuran lebih kurang '2.7m (lebar) x 11m (panjang)' dan telah menjadikan rumah kediaman berbandung 3 tingkat kepada 4 tingkat tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (sila rujuk laporan ulasan premis – P4 dan gambar-gambar P5A-D).

[10] Setelah itu, satu notis melalui rujukan MPJBT (NOTIS) 8/2014/91(39) bertarikh 27 Februari 2019 (P8) telah dikeluarkan dan disampaikan kepada OKS supaya meruntuhkan bangunan tambahan tersebut dalam tempoh 21 hari dari tarikh notis diterima.

[11] Encik Mohd Azan bin Abd Rahman, pembantu penguatkuasa, telah melakukan pemeriksaan semula atas premis berkaitan pada 4 April 2019 dan mendapati OKS gagal mematuhi notis P8. Sebaliknya kerja-kerja bangunan tambahan telah pun disiapkan sebagaimana gambar-gambar (P13A-E).

[12] Selanjutnya, permintaan saman telah dipohon dan dikeluarkan oleh Mahkamah Majistret (Bandaraya) pada 4 November 2020.

Merit Permohonan Semakan Jenayah Pemohon

[13] Sebelum mahkamah ini menyentuh merit semakan pemohon, eloklah diperturunkan peruntukan s. 323(1) Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) yang memperuntukkan seperti berikut:

> s. 323(1) A Judge may call for and examine the record of any proceeding before any subordinate Criminal Court for the purpose of satisfying himself as to the correctness, legality or propriety of any finding, sentence or order recorded or passed, and as to the regularity of any proceedings of that subordinate Court.

[14] Mahkamah ini sedar tujuan kuasa semakan ini ada dirungkai dalam kes tersohor *Liaw Kwai Wah & Anor v. PP* [1987] 1 CLJ 35; [1987] CLJ (Rep) 163; [1987] 2 MLJ 69 di mana YAA Abdul Hamid KHN (pada ketika itu) menyatakan seperti berikut:

> We would observe that the power of revision is to be exercised in accordance with the law for the time being in force relating to criminal procedure. In the present case that law is the Criminal Procedure Code. We would also observe that the object of the revisionary powers provided for in the Code is:
>
> > ... to confer upon criminal courts a kind of paternal or supervisory jurisdiction, in order to correct miscarriage of justice arising from misconception of law, irregularity of procedure, neglect of proper precautions or apparent harshness of treatment, which has resulted on the one hand in some injury to the due maintenance of law and order, or on the other hand, in some undeserved hardship to individuals.

[15] Mahkamah ini telah mendengar hujahan lisan TPR yang terpelajar dan peguam OKS yang terpelajar bagi tujuan permohonan semakan ini. Setelah mahkamah ini meneliti nota prosiding, terdapat dua isu utama dalam permohonan semakan iaitu:

(i) sama ada Tuan Majistret itu boleh memerintahkan denda tambahan RM1,000 sehari bagi kesalahan yang dilakukan secara berterusan selepas sabitan OKS bagi kesalahan s. 70(13) Akta itu;

(ii) sama ada Tuan Majistret itu dibenarkan oleh undang-undang untuk mengeluarkan perintah mandatori iaitu mengarahkan OKS untuk meruntuhkan struktur bangunan tambahan dalam masa 90 hari mulai tarikh sabitan (29 Disember 2020).

Bagi isu (i):

[16] Sebelum mahkamah ini menyentuh isu (i) ini dengan lebih lanjut, eloklah diperturunkan peruntukan s. 70(13)(c) Akta itu yang memperuntukkan seperti berikut:

> (13) Mana-mana orang yang:
>
> (a) ...;
>
> (aa) ...;
>
> (b) ...;
>
> (c) mendirikan sesuatu bangunan bersalahan dengan Akta ini atau dengan mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya; atau
>
> (d) ...,

A boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan juga boleh didenda tambahan sebanyak satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

[17] Mahkamah ini telah menghalusi nota prosiding dan berpendapat B semasa OKS mengaku bersalah di hadapan Tuan Majistret itu, semua tatacara yang ditetapkan oleh undang-undang khasnya peruntukan s. 173(a) dan (b) KTJ dipatuhi secara tertibnya. Peguam OKS yang terpelajar dalam hujahan lisannya/bertulis tidak mempertikaikan sabitan terhadap OKS. Peguam OKS yang terpelajar turut menghujahkan hukuman denda yang dijatuhi ke atas C OKS mematuhi peruntukan s. 70(13)(c) Akta itu iaitu denda RM3,000 tidak bayar tiga bulan penjara. OKS telah pun menjelaskan bayaran denda RM3,000.

[18] Persoalan selanjutnya sama ada Tuan Majistret itu dibenarkan di bawah s. 70(13)(c) Akta itu memerintahkan denda tambahan RM1,000 sehari D tanpa pendakwaan memfailkan pertuduhan baru bagi tujuan pelanggaran harian sebaik sabitan terhadap OKS direkodkan.

[19] Mahkamah ini berpendapat kesalahan di bawah s. 70(13) Akta itu merupakan kesalahan yang berterusan. Dalam konteks ini mahkamah ini merujuk pemerhatian oleh Shelat H dalam kes *State of Bihar v. Deokaran* E *Nenshi* [1973] 1 SCR 1004 yang menyatakan:

> A continuing offence is one which is susceptible of continuance and is distinguishable from the one which is committed once and for all. *It is one of those offences which arises out of a failure to obey or comply with the rule or its requirement and which involves a penalty, the liability for which continues until the* F *rule or its requirement is obeyed or complied with. On every occasion that such disobedience or non-compliance occurs and recurs, there is the offence committed*. The distinction between the two kinds of offences is between an act or omission which constitutes an offence once and for all and an act or omission which continues and therefore, *constitutes a fresh offence every time or occasion on which it continues. In the case of a continuing offence, there is thus* G *the ingredient of continuance of the offence* which is absent in the case of an offence which takes place when an act or omission is committed once and for all.
>
> (penekanan ditambah)

H **[20]** Mahkamah ini turut merujuk kes *Meow Loong Onn v. PP* [1996] 3 CLJ 444 di mana YA Dato' KC Vohrah H ada menyentuh isu kesalahan berterusan dalam konteks peruntukan s. 26(1)(b) Akta Wilayah Persekutuan (Perancangan) 1982 (Akta 1982) iaitu kesalahan menjalankan kerja-kerja pembangunan tanpa kelulusan perintah pembangunan (development order) diperolehi. Bagi kemudahan rujukan diperturunkan peruntukan s. 26(1)(b) I Akta 1982 yang berbunyi seperti berikut:

26(1) Any person who whether at his own instance or at the instance of any other person ... A

(a) ...

(b) commences, undertakes or carries out development in contravention of subsection (1) of s. 20; B

...

is guilty of an offence and on conviction is liable to a fine not exceeding fifty thousand ringgit and in the case of a continuing offence to a further fine which may extend to five hundred ringgit for every day during which the offence continues after conviction for the first commission of the offence. C

[21] Dalam kes *Meow Loong Onn* (*supra*), Majistret telah menetapkan tarikh-tarikh sebutan sebaik OKS mengaku bersalah pada 2 November 1995. Pada tarikh sebutan yang akhir iaitu 8 Februari 1996, pegawai pendakwa telah memaklumkan hasil siasatan yang dijalankan walaupun plan telah diluluskan tetapi kerja-kerja yang dijalankan tidak mengikut plan tersebut. Majistret kemudiannya menjatuhkan hukuman denda RM500 sehari mulai 3 November 1995 hingga 8 Februari 1996 dan selepas itu sehingga premis dirobohkan. Kemudiannya OKS merayu ke Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur berkaitan denda bagi kesalahan yang berterusan. Dalam penghakimannya, YA Dato' KC Vohrah H ada menyentuh isu ini seperti berikut: D E

If a person had continued carrying on development work after conviction for the first commission of the offence or if he did not, after he had received an approved plan for his works, comply with the approved plan (see e.g. *Tan Sin v. PP* [1969] 1 MLJ 230) then it is for the prosecution to frame the appropriate charge and summon the person to court where he has to be asked by the magistrate to plead to the charge. F

[22] Berbalik kepada kes OKS semasa, Tuan Majistret itu telah terkhilaf apabila pada 29 Disember 2020 sebaik OKS disabitkan atas kesalahan s. 70(13) Akta itu beliau terus menjatuhi hukuman denda RM1,000 sehari sehingga struktur binaan dirobohkan. Mahkamah ini berpendapat mengambil saranan dalam kes *Meow Loong Onn* (*supra*), pihak MBIP perlu merangka pertuduhan yang lainnya jika selepas OKS disabitkan dengan kesalahan s. 70(13)(c) Akta itu masih gagal untuk meruntuhkan struktur binaan yang dibina tanpa kelulusan MBIP memandangkan OKS melakukan kesalahan yang berterusan. Mahkamah ini berpendapat Tuan Majistret itu telah terkhilaf apabila memerintahkan denda harian RM1,000 tanpa mematuhi saranan dalam kes *Meow Loong Onn* (*supra*). G H

[23] TPR yang terpelajar dalam hujahan lisannya menghujahkan Tuan Majistret itu terkhilaf apabila menjatuhi hukuman denda RM1,000 sehari sebaik sabitan ke atas OKS. I

[24] Berdasarkan alasan-alasan yang dihuraikan di atas bagi isu (i), mahkamah ini mengakaskan hukuman denda tambahan RM1,000 sehari yang diperintahkan pada 29 Disember 2020.

Bagi isu (ii):

[25] Mahkamah ini akan beralih kepada isu (i) iaitu sama ada Tuan Majistret itu dibenarkan oleh undang-undang untuk mengeluarkan perintah mandatori iaitu mengarahkan OKS untuk meruntuhkan struktur bangunan tambahan dalam masa 90 hari mulai tarikh sabitan (29 Disember 2020).

[26] Mahkamah ini merujuk kes *Krishnadas Achutan Nair & Ors v. Maniyam Sanykano* [1997] 1 CLJ 636 di mana YA Gopal Sri Ram HMR (bersidang sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan) ada menukilkan pandangannya:

> [3] Parliament does not legislate in vain by the use of meaningless words and phrases, and *prima facie* every word appearing in an Act must bear some meaning. A judicial interpreter is therefore not entitled to disregard words used in a statute or treat them as superfluous or insignificant.

[27] Mahkamah ini turut merujuk kes *PP v. Sihabduin Hj Salleh & Anor* [1981] CLJ 39; [1981] CLJ (Rep) 82 yang menyatakan:

> Thirdly, if the law-maker so amends the law, to paraphrase the words of Lord Diplock at page 541 in *Duport Steels Ltd v. Sirs* [1980] 1 All ER 529, the role of the judiciary is confined to ascertaining from the words that the law-maker has approved as expressing its intention what that intention was, and to giving effect to it. *Where the meaning of the words is plain and unambiguous it is not for judges to invent fancied ambiguities as an excuse for failing to give effect to its plain meaning because they themselves consider that the consequences of doing so would be inexpedient, or even unjust or immoral; or to paraphrase the words of Lord Scarman at page 551 in the same case, in the field of statute law the judge must be obedient to the will of the law-maker as expressed in its enactments, the judge has power of choice where differing constructions are possible, but he must choose the construction which in his judgment best meets the legislative purpose of the enactment. Even if the result be unjust but inevitable, he must not deny the statute; unpalatable statute law may not be disregarded or rejected, simply because it is unpalatable; the judges duty is to interpret and apply it.*
>
> (penekanan ditambah)

[28] Berbekalkan prinsip-prinsip yang digariskan dalam nas-nas yang dirujuk sebentar tadi, mahkamah ini kembali merujuk peruntukan s. 70(13)(c) Akta itu, Parlimen telah memberi kuasa kepada Tuan Majistret itu untuk "... didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan juga boleh didenda tambahan sebanyak satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan."

[29] Mahkamah ini berpendapat, peruntukan s. 70(13)(c) Akta itu tidak memberi kuasa kepada Tuan Majistret itu untuk memerintahkan OKS meruntuhkan struktur bangunan tambahan dalam tempoh 90 hari.

[30] Walaupun begitu, peruntukan s. 70(15) Akta itu memberi kuasa kepada Tuan Majistret itu untuk mengeluarkan perintah mandatori kepada OKS yang telah disabitkan dengan kesalahan s. 70(13) Akta itu "untuk mengubah dengan apa-apa cara atau meruntuhkan bangunan itu." Bagi kemudahan rujukan, diperturunkan peruntukan s. 70(15) Akta itu yang memperuntukkan seperti berikut:

> (15) Mana-mana Majistret hendaklah, **atas permohonan pihak berkuasa tempatan atau seorang pegawai awam yang diberi kuasa oleh pihak berkuasa tempatan secara bertulis** bagi maksud itu, membuat suatu perintah mandatori menghendaki **mana-mana orang yang disabitkan suatu kesalahan di bawah subseksyen (13)** mengubah dengan apa-apa cara atau meruntuhkan bangunan itu.
>
> (penekanan ditambah)

[31] Mahkamah ini berkesempatan meneliti nota keterangan kes ini, pegawai pendakwa yang menjalankan pendakwaan kes OKS iaitu Encik Razali bin Hassan sebelum Tuan Majistret itu menjatuhi hukuman, beliau ada menyatakan:

> Pohon hukuman yang **deterrent** dan perintah untuk merobohkan struktur bangunan tambahan yang dibina tanpa kebenaran.
>
> (penekanan ditambah)

[32] Mahkamah ini berpendapat bagi maksud peruntukan s. 70(15) Akta itu, pihak MBIP perlu memfailkan notis permohonan jenayah bagi Kod 89 untuk memohon perintah mandatori bagi tujuan mengubah dengan apa-apa cara atau meruntuhkan bangunan itu dan bukannya mencampuradukkan dengan peruntukan s. 70(13) Akta itu sebagaimana yang berlaku dalam kes OKS sekarang. Mahkamah ini berpendapat bagi maksud peruntukan s. 70(15) Akta itu, pihak MBIP atau seorang pegawai awam yang diberi kuasa oleh pihak berkuasa tempatan secara bertulis yang boleh memohon. Mahkamah ini berpendapat tindakan pegawai pendakwa yang memohon perintah merobohkan struktur bangunan tambahan yang dibina tanpa kebenaran MBIP tidak selaras dengan peruntukan s. 70(15) Akta itu. Mahkamah ini berpendapat tiada keterangan yang menunjukkan pegawai pendakwa termasuk dalam frasa "seorang pegawai awam yang diberi kuasa oleh Pihak Berkuasa Tempatan secara bertulis".

[33] Peguam OKS yang terpelajar menghujahkan perintah mandatori yang dikeluarkan oleh Tuan Majistret itu pada 29 Disember 2020 ianya bercanggah dengan peruntukan s. 70(15) Akta itu kerana tiada permohonan telah dibuat oleh MBIP atau pegawai awam yang diberi kuasa secara bertulis.

Selanjutnya beliau menghujahkan peruntukan s. 70(15) Akta itu perlu dibaca bersama dengan peruntukan s. 91 Akta itu. Mahkamah ini dirujuk kes *Inpamalar Navaratnam lwn. Datuk Bandar Majlis Bandaraya, Petaling Jaya* [2017] 4 CLJ 116 ada menyentuh isu ini.

[34] Sebelum mahkamah ini menyentuh isu ini, eloklah diperturunkan peruntukan s. 91(1) Akta itu yang berbunyi seperti berikut:

> (1) Apabila seseorang pemunya atau penduduk dikehendaki di bawah Akta ini mendirikan atau mengalih sesuatu bangunan atau benda atau menjalankan sesuatu kerja lain mengikut peruntukan Akta ini, dan pemunya atau penduduk itu selepas notis yang sepatutnya tidak mendirikan atau mengalihkan bangunan atau benda itu atau tidak menjalankan kerja itu dalam tempoh yang dinyatakan itu, *pihak berkuasa tempatan boleh membuat suatu pengaduan dan Mahkamah Majistret setelah mendengar pengaduan itu boleh membuat ke atas pemunya atau penduduk itu suatu perintah terus yang dalam Akta ini disebut sebagai suatu "perintah mandatori"*, menghendaki pemunya atau penduduk itu menjalankan kerja yang dikehendaki itu.
>
> (penekanan ditambah)

[35] Mahkamah ini sependapat dengan YA Azimah Omar PK (ketika itu) dalam kes *Inpamalar Navaratnam* (*supra*), sebaik ada sabitan di bawah s. 70(13) Akta itu, permohonan perintah mandatori boleh dipohon berdasarkan peruntukan s. 70(15) Akta itu dan s. 91(1) Akta itu. YA Azimah Omar PK (pada ketika itu) dalam penghakimannya menyatakan:

> (1) Perintah termesti bawah s. 91 dibaca bersama-sama s. 70(15) AJPB boleh dipohon oleh mana-mana pihak berkuasa tempatan atau pegawai yang diberi kuasa olehnya apabila satu sabitan direkodkan atas kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang bawah s. 70(13) AJPB. Plaintif mengaku salah dan disabitkan atas pertuduhan s. 70(13)(b) AJPB. Dengan sabitan ini, menurut s. 70(15) AJPB, sebagai pihak berkuasa tempatan atau seorang pegawai awam yang diberi kuasa oleh pihak berkuasa tempatan, defendan boleh memohon satu perintah mandatori atau termesti untuk memerintahkan plaintif merobohkan bangunan tambahan/pindaan tersebut. Defendan memfailkan perintah termesti dan Mahkamah Majistret juga mengeluarkan perintah tersebut.

[36] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam OKS yang terpelajar iaitu perintah mandatori yang dikeluarkan oleh Tuan Majistret itu pada 29 Disember 2020 ianya tidak sah dan bercanggah dengan peruntukan s. 70(15) Akta itu dan s. 91(1) Akta itu. TPR yang terpelajar ada menarik perhatian mahkamah ini kepada surat MBIP yang ditandatangani oleh Datuk Bandar, MBIP bertarikh 29 Disember 2020. Mahkamah ini telah meneliti nota prosiding pada 29 Disember 2020, tiada catatan yang menunjukkan surat ini dibawa ke perhatian Tuan Majistret itu bagi maksud peruntukan s. 70(15) Akta itu. Pegawai Pendakwa MBIP yang hadir di hadapan Tuan Majistret itu sekadar memohon untuk meruntuhkan struktur binaan.

[37] Bagi tujuan ini, MBIP bolehlah memfailkan Permohonan Jenayah (Kod 89) dan disokong dengan afidavit pihak MBIP dengan memperincikan fakta OKS telah disabitkan dengan kesalahan s. 70(13) Akta itu dan OKS masih gagal untuk meruntuhkan struktur binaan.

[38] Berdasarkan alasan-alasan yang diperincikan di atas, mahkamah ini mengunakan kuasa semakan yang ada di bawah s. 327 KTJ mengakaskan perintah Tuan Majistret itu terhad kepada perkara-perkara berikut:

(i) Hukuman denda tambahan RM1,000 sehari yang tertakluk kepada perintah meruntuhkan bangunan tambahan dalam masa 90 hari diketepikan.

(ii) Perintah mandatori meruntuhkan struktur bangunan tambahan dalam masa 90 hari diketepikan.

(iii) Pihak MBIP atau seorang pegawai awam yang diberi kuasa oleh pihak berkuasa tempatan secara bertulis diberi kebebasan untuk memohon perintah mandatori di bawah s. 70(15) Akta itu dan/atau s. 91(1) Akta itu bagi mengubah dengan apa-apa cara atau meruntuhkan bangunan itu sebaik OKS disabitkan dengan kesalahan s. 70(13) Akta itu.

Kesimpulan

[39] Berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, mahkamah ini mengunakan kuasa semakan yang ada dan memerintahkan perintah yang dikeluarkan oleh Tuan Majistret itu diakaskan sebagaimana yang dinyatakan di perenggan [38].